

PANADOL FOR CHILDREN TABLETS

Paracetamol (120mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol for Children Tablets
2. Bagaimana Panadol for Children Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panadol for Children Tablets
4. Cara menggunakan Panadol for Children Tablets
5. Semasa menggunakan Panadol for Children Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panadol for Children Tablets
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panadol for Children Tablets

Untuk melegakan demam, sakit kepala, gejala-gejala selesema, ketidakselesaan / sakit tumbuh gigi, sakit gigi, demam dan sakit selepas vaksinasi.

Bagaimana Panadol for Children Tablets berfungsi

Paracetamol berfungsi dengan menghalang penghasilan *prostaglandin* (bahan kimia) di dalam badan yang menyebabkan demam dan kesakitan. Tindakan ini dapat mengurangkan kesakitan dan demam.

Sebelum menggunakan Panadol for Children Tablets

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan gunakan Panadol for Children Tablets

- sekiranya anak anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

Berhenti mengambil ubat ini dan rujuk kepada doktor anda dengan segera jika anak anda pernah mengalami kesukaran bernafas dengan aspirin atau ubat-ubatan anti-radang yang lain dan mengalami reaksi serupa dengan ubat ini.

- *Sebelum menggunakan Panadol for Children Tablets*

Jangan ambil lebih daripada dos

yang disyorkan kerana ia boleh memudaratkan hati anak anda.

Ubat ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika

- anak anda mempunyai kerosakan hati atau buah pinggang.
- anak anda mempunyai jangkitan, kekurangan zat makanan, kekurangan berat badan yang teruk. Penggunaan paracetamol boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk: bernafas yang mendalam, cepat dan sukar, mual, muntah dan hilang selera makan. Sila rujuk kepada doktor dengan segera jika anak anda mempunyai gejala-gejala ini.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anak anda sedang mengambil warfarin atau ubat cair darah lain. Penggunaan paracetamol bersama dengan ubat cair darah secara berpanjangan boleh meningkatkan risiko pendarahan.
- Beritahu doktor jika anak anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Panadol for Children Tablets

- *Berapa banyak harus digunakan*

- Untuk mendapatkan dos yang tepat, timbang berat badan anak anda dan kira dos yang harus diberi berdasarkan 10 - 15mg Paracetamol untuk setiap kg berat badan.
- **Dos maksimum sehari:** 60mg/kg diberikan dalam dos berbahagi kepada 10-15mg/kg sepanjang tempoh 24 jam.
- Tidak melebihi 4 dos dalam tempoh 24 jam.
- Ubat ini adalah untuk dimakan sahaja.

- *Bila perlu digunakan*

- Berikan setiap 4 - 6 jam apabila perlu.
- Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

- Jangan mengambil lebih daripada 4 dos dalam tempoh 24 jam.
- Jangan mengambil lebih daripada 3 hari tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi anda.
- Sila jumpa doktor jika gejala anak anda tidak bertambah baik.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa kerana anak anda mungkin berisiko mengalami kegagalan hati. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Panadol for Children Tablets

- *Perkara yang perlu dilakukan*

- Guna ubat mengikut arahan doctor, ahli farmasi atau arahan pada kotak ubat.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anak anda bahawa anak anda sedang menggunakan Panadol for Children Tablets

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

PANADOL FOR CHILDREN TABLETS

Paracetamol (120mg)

- Jangan memberi Panadol for Children Tablets kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anak anda.
- Jangan gunakan untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

AMARAN ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala alahan adalah termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika anak anda:

- mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, masalah pernafasan, bengkak pada bibir, lidah, tekak atau muka
- mengalami pengelupasan kulit atau ulser dalam mulut
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Reaksi-reaksi ini jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panadol for Children Tablets

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna merah jambu, berperisa ceri dengan tulisan 'PANADOL' pada satu permukaan dan satu garisan pada permukaan yang sebaliknya.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Paracetamol

- Bahan tidak aktif

Mannitol

Corn starch

Stearic acid

Saccharin sodium

Cherry flavour

D&C Red Lake Blend

- Nombor MAL

MAL19950682XRZ

Pengilang

Sterling Drug (Malaya) Sdn Bhd.

Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/
Hulu Kelang Industrial Estate, 68000
Ampang, Selangor, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/
Hulu Kelang Industrial Estate, 68000
Ampang, Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

20/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)210622/00036